

Najib mahu tentera tingkat ilmu

Kelayakan akademik lebih baik permudah dapat kerja selepas bersara

BH - 20/5/2007

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menggesa anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus meningkatkan pencapaian akademik supaya boleh kekal produktif memberi sumbangan kepada modal insan negara biarpun sudah bersara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kelayakan akademik sangat penting pada zaman ini, bukan saja untuk membantu mempertingkatkan kerjaya ketika dalam perkhidmatan tetapi juga berdaya saing dalam memilih kerjaya kedua selepas bersara.

"Saya mahu anggota tentera terus menimba ilmu kerana saya tidak suka apabila bersara, anggota tentera menjadi pengawal keselamatan, balik kampung dan tidak bekerja secara produktif.

"Kita juga tidak mahu mereka nanti (apabila bersara) melawan tauke (menentang kerajaan kerana tidak mempunyai kerja yang baik), ...sebab itu kita menekankan perkara seperti ini (program pendidikan jarak jauh

secara e-learning dikenali program K-Force)," katanya pada majlis Konvokesyen Khas Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) di sini, semalam.

K-Force, ialah satu inisiatif ke arah meningkatkan tahap akademik anggota tentera dengan menawarkan kursus e-pembelajaran peringkat sijil, diploma dan ijazah dalam bidang pentadbiran perniagaan, pengurusan dan teknologi maklumat.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, kementerian itu mewujudkan program seperti K-Force bagi membolehkan anggota ATM mendapat peluang lebih luas meningkatkan keupayaan melalui program akademik, apabila kemahiran dan kelulusan ini bukan saja berfaedah ketika dalam perkhidmatan, tetapi juga dimanfaatkan selepas bersara kelak.

Beliau bangga program yang dilancarkan sejak 17 September 2002 itu disertai anggota tentera pelbagai pangkat dari Brigedier Jeneral hinggalah kepada Lans Koperal.

"Maknanya bukan saja umur tidak menjadi rintangan tetapi pangkat pun tidak menjadi halangan," katanya.

Najib berkata, sejajar perubahan yang berlaku dalam dunia ketenteraan, ATM dan anggotanya perlu menghadapi cabaran itu yang antara lain membabitkan perubahan dari segi doktrin pertahanan, manakala kelengkapan dan peralatan ketenteraan juga perlu lebih canggih.

"Tapi semua mesti berlandaskan keupayaan, meningkatkan keberanian dan kemampuan mental," katanya.

FAKTA NOMBOR

Program K-Force

320

Anggota tentera tamat pengajian

29

Terima Ijazah Sarjan Muda